

## **ASIMILASI HUKUM ISLAM DALAM AMALAN PERNIAGAAN MELAYU: KAJIAN KE ATAS BEBERAPA MANUSKRIP MELAYU LAMA**

**Jasni bin Sulong**

### **Abstrak**

Islam dipercayai telah datang ke Tanah Melayu seawal abad ke-10M dahulu lagi melalui usaha pedagang dari Tanah Arab dan India. Kedatangan para pedagang ini bukan sahaja dalam menjalankan aktiviti perdagangan dan ekonomi, malah mereka juga turut terlibat dalam usaha dakwah bagi menyebarkan agama Islam. Serentak dengan usaha ini, penyebaran dan perkembangan agama Islam serta ilmu-ilmu mengenainya seperti ibadat, muamalat dan jinayat pesat berlangsung dalam kalangan masyarakat Melayu. Hal ini bukan sahaja berlaku secara langsung melalui pengajaran di masjid, surau atau di rumah alim-ulama, malah ia juga berlaku secara tidak langsung semasa berlakunya aktiviti ekonomi dan muamalah sesama orang Islam pada ketika itu. Hasilnya, beberapa kaedah hukum Islam telah diserap dan digabung-jalin bersama amalan dan budaya masyarakat setempat. Maka berlakulah aktiviti perniagaan yang berasaskan campuran hukum Islam dan adat ini seperti jual janji, jual-beli unjuk-berunjuk, jual-beli bertempah, jualan buah-buahan di atas pokok yang belum masak, perniagaan secara berkongsi dan sebagainya. Sebahagian besar daripada bentuk urusan niaga dan aktiviti ekonomi ini menerima asimilasi antara hukum Islam dan adat setempat. Kadangkala hukum Islam mengenai perniagaan mengambilpakai unsur-unsur adat untuk disesuaikan dan kadangkala pula sebaliknya. Kesemua ragam ini bukan sahaja diterima secara amalan, malah telah tercatat dalam beberapa manuskrip Melayu sebagai garis panduan, pemakaian dan perundangan pada ketika dulu. Justeru, bagi memperlihatkan lagi penerimaan dan amalan ini, satu kajian yang terperinci sangat penting untuk dilaksanakan bagi memperlihatkan asimilasi hukum Islam dan budaya Melayu ini dengan meneliti beberapa manuskrip Melayu yang terpilih. Dapatan kajian ini akan dapat menunjukkan dengan jelas sejarah perkembangan masyarakat Melayu daripada perspektif asimilasi hukum Islam dan budaya perniagaan setempat.

### ***THE ASSIMILATION OF ISLAMIC LAW IN THE PRACTICE OF MALAY TRADE: A STUDY ON SEVERAL MALAY MANUSCRIPTS***

#### ***Abstract***

*The coming of Islam in Malay Peninsular was believed to take place as early as during 10<sup>th</sup> century through the endeavor of traders from Arab and India. They are coming for trading, and also in a mission to spread Islam as a way of life. Therefore, the teaching of Islam was overwhelming in this country at that time to its people comprises the realm of worship, economy and criminal's law. It took place either through activities in mosque,*

*prayer place, house of the traders, or during trade's transactions among them. Hence, the teaching of Islam in every aspect was absorbed by the local people amidst their traditional way and local culture. Thus, its portray a mixture of Islamic and customary law in their daily transactions which was seen in a conditional sale, sales contract by picks up the goods and the seller accepts the price, sale of object which is not available at the time of selling, selling fruits on a tree, sales and sharing, and etceteras. Most of these transactions adopted the Islamic law and customary practice in which the former or the latter have an effect upon each other. All these varieties was accepted as the practice of communities at those days, as well as recorded in Malay's digest in form of guidelines and the force of law. Thus, in order to portray these practices among Malays, this paper was intended to describe the facts through the Malay's digests. The findings of the study will described the development of the assimilation of Islamic law and trading culture among Malays at those days.*

## **Pendahuluan**

Sebelum kedatangan Islam, rata-rata masyarakat di Tanah Melayu menganut fahaman animisme. Keadaan ini berubah selepas kedatangan Islam yang mengubah kepercayaan mereka kepada “*tawhid*” dan cara hidup Islam. Serentak dengan itu juga, kehidupan harian masyarakat Melayu berubah secara beransur-ansur apabila ajaran Islam mula dihayati dan dipraktikkan dalam kehidupan harian.<sup>61</sup> Dalam perkembangan ini, proses Islamisasi masyarakat dalam sosio-budaya telah berlaku secara berterusan di mana memperlihatkan bahawa kedinamikan ajaran Islam bukan hanya dalam aspek kerohanian, malah juga melibatkan aspek amalan iaitu dalam perhubungan antara sesama manusia.. Senario ini dapat dilihat melalui penulisan manuskrip-manuskrip Melayu khususnya dalam *digest* perundangan yang menonjolkan beberapa bentuk hukum Islam seperti dalam hal ehwal “*muamalah*” telah digunapakai dan diperuntukkan dalam pentadbiran atau dijadikan panduan dalam membuat keputusan. Mengulas hal ini, Raffles ada menyatakan:<sup>62</sup>

Independent of the laws of the Koran, which are more or less observed in the various Malay states, according to the influence of their Arabian and Muhammedan teachers, but seldom, further than they affect matters of religion, marriage and inheritance; the Malay states possess several codes of laws denominated Undang-Undang, or Institutions, of different antiquity and authority, compiled by their respective sovereigns: and every state of any extent possesses its own Undang-Undang.

---

<sup>61</sup> Al-Attas, S. Naquib, 1969, *Preliminary Statement on A General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 5-11

<sup>62</sup> Raffles, Thomas, 1816, “On the Melayu Nation, with a Translation of Its Maritime Institutions”, dalam *Asiatic Researches*, v.12, h. 104

Justeru, berdasarkan beberapa koleksi manuskrip Melayu yang terpilih, penulisan ini bertujuan untuk meneliti amalan perniagaan dalam kalangan masyarakat Melayu dahulu, iaitu sejauhmana undang-undang dan manuskrip Melayu mempunyai aturan hukum mengenai muamalat yang mengikuti hukum adat atau berteraskan prinsip syarak. Penelitian ini bagi melihat dengan lebih terperinci khususnya daripada aspek pendalilan hukum.

## Asimilasi Amalan Adat pada Kacamata Syarak

Secara teorinya, adat *per se* tidak termasuk dalam sumber hukum Islam yang berteraskan wahyu. Tetapi dalam praktis, adat boleh dijadikan sandaran dalam pembentukan hukum syarak apabila hal ini tidak bercanggah dengan roh Islam. Ini sesuai dengan konsep Islam sebagai agama fitrah iaitu selagi mana tidak bercanggah dengan prinsip hukum syarak sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.<sup>63</sup>

مَا رَأَهُ الْمُسْلِمُونَ حَسَنًا فَهُوَ عِنْدَ اللَّهِ حَسَنٌ

Apa yang dipandang baik oleh orang-orang Islam, maka menurut Allah juga adalah baik.

Demikian juga pandangan Imam Hanafi dan Imam Maliki, iaitu<sup>64</sup> hukum yang ditetapkan dengan adat yang *sahih* (baik) adalah sama kedudukannya dengan yang ditetapkan berdasarkan dalil syarak jika tidak ada dalil lain daripada syarak yang membincangkan sebaliknya. Jelasnya, membenarkan pelbagai tradisi dan amalan yang dipandang baik dalam kalangan masyarakat adalah sesuatu yang berlandaskan Ilahiyyah dan perlu terus dipertahankan.

Sejarah kedatangan dan penerimaan Islam semenjak zaman Mekah sehinggalah ke Tanah Melayu telah menyaksikan asimilasi hukum adat dan Islam dalam amalan masyarakat setempat di mana Islam telah memberikan pengiktirafan ke atas amalan beberapa adat yang tidak bercanggah dengan Islam. Keadaan ini jelas dalam tradisi yang tiada unsur-unsur syirik, penindasan, kezaliman, penipuan dan pencabulan hak. Perkembangan ini menunjukkan bahawa pembinaan hukum Islam turut dipengaruhi dengan konteks sosial masyarakat setempat sebagaimana dahulu apabila lahirnya golongan yang menghukum

---

<sup>63</sup> Riwayat Imam Ahmad secara terhenti (*mawquf*) kepada Ibn Mas'ud. Rujuk Ahmad bin Muhammad bin Hanbal (1993), *Musnad al-Imam Ahmad*, Beirut: Muassasah al-Risalah, jil. 1, hal. 379, Hadis No. 3600; Hakim al-Nisaburi, Muhammad ibn 'Abd Allah (1915), *al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn fi al-Hadith*, Hydrabad: T.P, jil. 3, h. 78-79, Hadith No. 4465; Muhammad Nasiruddin al-Albani (2008), *Silsilah al-Ahadith al-Dha'ifah wal Maudu'ah*, Riyadh: Maktabah Ma'arif, jil. 2, Hadis No. 533, h. 17

<sup>64</sup> Al-Kasani, Abu Bakar bin Mas'ud (2003), *Bada'i' al-Sana'i'*, Beirut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah, jil. 5, h. 223; al-Sarakhsi, Syamsuddin al- (t.t.), *Kitab al-Mabsut*, Beirut: Dar al-Ma'rifat, jil. 12, h. 38

dengan mengambil kira adat setempat seperti *Ahlul Iraq* (Mazhab Iraq), *Ahlus Syam* (Mazhab Syria) dan *Ahlul Madinah* (Mazhab Madinah).<sup>65</sup>

Secara lebih terperinci, Imam Abu Hanifah (80-150 H/699 –767 M) misalnya telah menjadikan tradisi masyarakat Kufah sebagai antara elemen dalam penetapan hukum syarak. Tindakan ini adalah menyesuaikan berdasarkan konsep *istihsan* iaitu setakat mana “kebaikan” yang terkandung dalam sesuatu amalan tersebut memberi faedah atau *maslahat* kepada manusia. Begitu juga dalam pandangan yang dikemukakan oleh Imam Malik (93-179 H), pengiktirafan ke atas amalan masyarakat Madinah atau “*Amal Ahl Madinah*” (kebiasaan yang terjadi dalam masyarakat Madinah) telah diterima sebagai salah satu daripada asas dalam penetapan hukum syarak. Ini berikutan amalan masyarakat Madinah dipercayai menjadi kesinambungan daripada amalan Rasulullah saw yang merupakan antara warga masyarakat tersebut. Pegangan ini telah diikuti oleh Imam As-Syatibi (w.790H) yang menjadi pengikut dan pengembang aliran Mazhab Maliki sehingga ke hari ini.<sup>66</sup>

Sementara Imam Syafi’i (150 – 204 H) walaupun tidak menerima adat setempat atau *urf* sebagai asas utama dalam penetapan hukum, namun beberapa pandangan beliau didapati turut mempunyai kecondongan dalam mengiktiraf kebiasaan sosial dan adat setempat ini. Pertimbangan ini boleh dilihat dalam perubahan pandangan Imam Syafi’i ketika berada di Baghdad melalui pandangannya yang dikenali *qawl qadim*, dengan pandangan ketika di Mesir melalui *qawl jadid*. Pandangan yang berbeza ini dapat dianalisis daripada penulisan Imam al-Syafi’i yang terkandung dalam *Kitab Al-Hujaj* ketika di Baghdad dan *Kitab Al-Umm* ketika di Mesir.<sup>67</sup> Keadaan ini memperlihatkan bahawa para ulama rata-ratanya bersetuju iaitu perbezaan suasana persekitaran boleh mempengaruhi dalam penetapan sesuatu hukum fekah. Hukum fekah menerima kepelbagaian adat dan amalan masyarakat setempat selama-mana tradisi tersebut tidak bercanggah dengan ruh syarak.<sup>68</sup>

## **Kedatangan Islam ke Tanah Melayu**

Kedatangan Islam ke Nusantara adalah hasil usaha para ulama sufi pada zaman silam seperti Syeikh Abdul Aziz, Syeikh Abdullah al-Yamani, Maulana Abu Bakar dan

---

<sup>65</sup> Nasir al-Tarifi (1997), *Tarikh al-Fiqh al-Islami*, Riyadh: Maktabat al-Tawbah, h. 68, 77. Lihat juga Abbas Husni Mohamad (1996), *Perkembangan Fiqah Islam*, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, h. 11

<sup>66</sup> Al-Syatibi, Ibrahim bin Musa bin Muhammad al-Lakhmi (1922), *al-Muwafaqat*, Kaherah: al-Matba’ah al-Salafiyyah, jil. 2, h. 130

<sup>67</sup> Saufi Hasan Abu Talib (1989), *Tatbiq al-Syariah al-Islamiyyah fi al-Bilad al-‘Arabiyyah*, Kaherah: Matba’ah Jami’ah, h. 120; Lihat juga Abbas Hosni Mohamad (1996), *op.cit.*, h. 96-97

<sup>68</sup> Mohamed Wassel, “The Islamic Law Its Application as It was Revealed in the Qur’an and Its Adaptability to Cultural Change”, dalam *Hamdard Islamicus*, Pakistan: The Hamdard Foundation, vol. VI No. 1, Spring 1983, h. 55

Maulana Yusof sekitar abad ke-7 hingga ke-13 Masihi.<sup>69</sup> Kedatangan mereka atas dasar dakwah dan perdagangan telah membawa sinar Islam ke Tanah Melayu khususnya ke atas penempatan masyarakat pesisir pantai pada ketika itu seperti di Pasai, Perlak, Aceh, Patani, Kedah<sup>70</sup> dan Melaka.<sup>71</sup> Catatan Marco Polo mencatatkan bahawa agama Islam telah tersebar di Tanah Melayu sejak sebelum abad ke-15 lagi. Manakala menurut Ibn Batutah, agama Islam telah tersebar semenjak abad ke-13 sehingga abad ke-16 Masihi.<sup>72</sup>

Kedudukan bandar pelabuhan di Tanah Melayu yang strategik dan keprihatinan pemerintah dengan pasukan pentadbiran yang adil telah berjaya menarik para pedagang untuk berhenti di pelabuhan-pelabuhan Melayu.<sup>73</sup> Jelasnya, faktor keselamatan, bekalan makanan untuk penduduk<sup>74</sup> dan terdapat pelbagai barang perdagangan yang diperlukan seperti buah Pala, kain batik, hampan, bulu burung, timah, lada, emas, cengkih, kayu dan cendana telah menarik minat tambahan pedagang.<sup>75</sup> Justeru, masyarakat Melayu tempatan telah terlibat dengan masyarakat Islam khususnya daripada Timur Tengah melalui aktiviti perniagaan dan perdagangan ini.

Penting untuk diketahui, kedatangan Islam ini ke rantau ini bukan sahaja membawa barang dagangan (komoditi), malah turut membawa bersama kaedah atau bentuk urus niaga yang berteraskan ajaran agama Islam (*muamalah*). Ajaran yang dibawa bukan hanya dalam bentuk amalan semasa, malah terdapat teks bertulis seperti *Majallah al-Ahkam al-'Adliyyah* iaitu undang-undang mengenai perniagaan Islam yang dibawa dari Turki ke Johor untuk diguna pakai sebagai rujukan dalam perniagaan masyarakat Melayu ketika itu. Walaupun ikutan ke atas ajaran ini tidak dapat dibuktikan sepenuhnya, namun penerapan ilmu-ilmu Islam ini diyakini lebih dihayati apabila masyarakat Melayu mula mengamalkan Islam sebagai salah satu daripada cara hidup.

---

<sup>69</sup> Al-Attas, S. Naquib, 1969, *op.cit.*, h. 5: Adi Taha, 1991, "Sejarah Negeri Kedah Berdasarkan Penemuan Bahan-bahan Arkeologi", dalam *Dokumentasi Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darul Aman*, Alor Setar: Lembaga Muzium Negeri Kedah

<sup>70</sup> Al-Attas, S. Naquib, 1969, *op.cit.*, h. 11

<sup>71</sup> A. Teeuw, D. K. Wyatt (ed.), 1970, *Hikayat Patani*, The Hague: Martinus Nijhoff, h. 148-152. Ada penulisan menyatakan penyakit "pecah tubuh" atau "sakit kusta"; Zainal Abidin bin Abdul Wahid, Khoo Kay Kim, Muhd. Yusof bin Ibrahim, Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abdula Rahman dan Mohd. Amin bin Hassan, 1992. *Malaysia, Warisan dan Perkembangan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 15

<sup>72</sup> G. R. Tibbets, 1965, "Pre-Islamic Arabia and Southeast Asia", dalam *JMBRAS*, No. 29, Pt. 3, 207

<sup>73</sup> Muhammad Yusoff Hashim, 1989. *Kesultanan Melayu Melaka : kajian beberapa aspek tentang Melaka pada abad ke-15 dan abad ke-16 dalam sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 137

<sup>74</sup> Ismail Hussien, A Aziz Deraman dan Abd. Rahman Al-Ahmadi. 1993. *Tamadun Melayu Jilid Satu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 148

<sup>75</sup> Muhammad Yusoff Hashim, 1989, *op. cit.*, h. 244

## Manuskrip Melayu Berhubung Amalan Perniagaan Islam

Berdasarkan latar belakang sejarah, kemasukan beberapa pengaruh luar seperti Hindu, Bugis, Aceh, Celebes, Parsi<sup>76</sup> dan Minangkabau ke Tanah Melayu telah mempengaruhi latar belakang tradisi masyarakat Melayu. Pengaruh adat ini dikatakan begitu menebal dalam jiwa masyarakat Melayu sehingga asimilasi hukum Islam dalam kalangan masyarakat bukan berlaku serta-merta dan menyeluruh. Dalam menerangkan hal ini, R.J.Wilkinson ada menyatakan:<sup>77</sup>

Orang-orang Melayu tidak pernah menerima hukum Islam seluruhnya. Mereka adalah bersedia untuk mengambil perkara-perkara agama semata-mata, seperti mengendalikan tanah masjid dan pemungutan zakat/fitrah sahaja, tetapi bila sampai kepada pekerjaan-pekerjaan yang agak serius dalam hidup, umpamanya perjanjian jual beli, hak hamba, hak milik tanah, hutang dan warisan gelaran dan harta sebenar, maka ketua-ketua meneruskannya dengan Adat mereka.

Amalan adat dan tradisi yang dimaksudkan ini tentu sekali tidak bersumberkan agama tetapi mengambil kira budaya dan pengalaman. Sebagai contoh, antara beberapa pepatah nasihat orang Melayu lama dalam hal ehwal jual beli yang boleh dirujuk ialah:<sup>78</sup>

- \* Jangan beli kebun getah orang Melayu (kerana semak samun).
- \* Jangan beli kelambu Cina (kerana sejak beli tak pernah basuh)
- \* Jangan beli basikal orang Hindu (kerana menurun bukit digatih juga).

Pepatah nasihat ini jelas merujuk kepada tabiat atau amalan masyarakat tertentu yang menjadi ukuran pada ketika itu. Jelasnya, amalan adat di atas telah dibina atas rasional tertentu, dan sebaliknya dalam amalan perniagaan yang berteraskan Islam di mana hukum-hakam dibina atas sumber khusus iaitu berasaskan al-Quran, al-Sunnah dan ijmak ulama.

Dalam soal perniagaan dan kewangan masyarakat Melayu, terdapat pelbagai karya persuratan berbentuk undang-undang, kanun atau *digest* yang boleh menceritakan latar belakang rujukan masyarakat Melayu silam seperti yang termuat dalam *Majallah al-Ahkam al-'Adliyyah*, *Sulalatus Salatin*, *Hikayat Raja-Raja Pasai*, *Hikayat Aceh*, *Hikayat Johor*, *Hikayat Patani*, *Hikayat Pahang*, *Bahr-al-Lawt*, *Aqaid al-Nasafi*, *Durr-al-Mandhum*, *Mirat-al-Qulub*, *Sirat-al-Mustaqim*, *Hukum Kanun Melaka*, *Undang-Undang Laut Melaka*, *Undang-Undang Johor*, *Undang-Undang Aceh*, *Undang-Undang Pahang*,

---

<sup>76</sup> M. B. Hooker, (1968), "Private International Law and Personal Laws: A Note on the Malaysian Experience", *Malaya Law Review*, v. 10 No. 1, h. 163

<sup>77</sup> R.J.Wilkinson, 1948, "Law Part 1, An Introductory Sketch", dalam *JRASMB*, j. xxi, Singapore, h. 48: Lihat juga Othman Ishak, 1997, *Hubungan Antara Undang-undang Islam dengan Undang-undang Adat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 104

<sup>78</sup> <http://mokhtarpetah.blogspot.com/2009/02/orang-melayu.html> akses 11.1.2010

*Undang-Undang Kedah, Taj-us-Salatin, Bustan-us-Salatin dan Thamarat-ul-Muhimmah.* Kesemua manuskrip ini menjadi sumber rujukan yang penting pada hari ini untuk mengukur sejauhmana hukum Islam dan adat pada masa tersebut diterima pakai dalam kehidupan seharian. Justeru, bagi menunjukkan asimilasi antara hukum syarak dan adat yang dibincangkan, berikut ialah beberapa konsep dan prinsip perniagaan dan kewangan adat yang bercirikan Islam yang banyak dibincangkan ulama dan didapati dalam beberapa manuskrip:<sup>79</sup>

## **Berniaga secara Halal dan Elak Riba**

Manuskrip Melayu menyebut bahawa aktiviti perniagaan hendaklah dilakukan secara halal iaitu melakukan jual beli dan mengelak daripada riba. Antara manuskrip yang mencatat berhubung urusan perniagaan yang sejajar dengan syariat ini ialah *Safinat al-Hukkam* (hal. 278-341), *Mir'at al-Tullab* (MS 1046 dan MS 1532), Undang-undang Melaka (Fasal 30, DBP MS 152), Undang-undang Sultan Abdul Ghafur Muhaidey Shah Pahang (Fasal 24, RAS Maxwell 17), Hukum Maksiat di Kelantan (PNM MS 783-Fasal 3), Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan (Fasal 30-42, MS 40323), Undang-undang Indragiri (Fasal 20, Cod. Or.5745) dan undang-undang Raja Nati (hal. 32, Cod. Malai 7).

Secara lebih terperinci, Undang-undang Sultan Abdul Ghafur Muhaidey Shah Pahang (1592-1614) telah memperuntukkan dalam Fasal 24:<sup>80</sup>

Peri menyatakan syarat di-dalam perniagaan. *Bab fi targhib kasbi 'l-halal wa'l-targhib 'an kasbi'l-haram.* Bab pada menyatakan yang meng-gemari pencharian yang halal dan menakutkan atas pencharian yang haram: *qala'llahu ta'ala wa'ahalla-llahu 'l-bay'a wa harrama'l-riba, ya'ani halalkan Allah ta'ala berniaga dan haramkan Allah ta'ala makan riba ia-itu ganda-berganda.*

Pengharaman ini disertakan dengan contoh yang melibatkan barangan yang memiliki elemen riba (*ribawi*) seperti diharamkan perniagaan emas dengan emas dan perak dengan perak, melainkan dengan jenis yang berbeza, sebagaimana dinyatakan.<sup>81</sup>

Bermula tiada sah berniaga emas dengan emas dan perak dengan perak melainkan suatu jenis yang lain, dengan suatu jenis yang lain ya'ani emas dengan suatu jenis yang lain ya'ani perak tunai, dan berniaga makanan sama makanan janji.

---

<sup>79</sup> Zuhayli, Wahbah al-(1997), *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Beirut: Dar al-Fikr, j. 5, h. 3303-4114

<sup>80</sup> RAS Maxwell 17 (Naskah Maxwell)

<sup>81</sup> John E. Kempe dan R. O. Winstedt (1947)(ed.), *A Malay Legal Digest Compiled for 'Abd al-Ghafur Muhaidey 'd-din Shah Sultan of Pahang 1592-1614 A.D. with Undated Additions*, Arkib Negara, h. 41

Larangan perniagaan yang melibatkan barangan *ribawi* sebegini adalah selaras dengan sebuah Hadith daripada Rasulullah s.a.w yang berbunyi:

الذَّهَبُ بِالذَّهَبِ وَالْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ وَالْبُرُّ بِالْبُرِّ وَالشَّعِيرُ بِالشَّعِيرِ وَالتَّمْرُ بِالتَّمْرِ وَالْمَلْحُ بِالْمَلْحِ  
مَثَلًا بِمِثْلٍ سَوَاءٍ بِسَوَاءٍ يَدًا بِيَدٍ فَإِذَا اخْتَلَفَتْ هَذِهِ الْأَصْنَافُ فَبِيعُوا كَيْفَ شِئْتُمْ إِذَا كَانَ يَدًا  
بِيَدٍ

Maksudnya: Emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, kurma dengan kurma dan garam dengan garam; mestilah sama timbangan dan sukatan (kuantiti) serta dilakukan secara kontan. Jika berlainan jenis, maka berjual belilah sesuka kalian tetapi hendaklah tetap secara kontan.<sup>82</sup>

Dalam beberapa hadis lain diterangkan bahawa sesiapa yang melakukan penukaran atau jual-beli barangan yang disebut di atas ini dengan perbezaan pada timbangan dan sukatan (kuantiti), maka ia adalah *Riba al-Fadhl* (riba pertambahan). Sekiranya dilakukan secara tertunda atau berhutang, maka urusan niaga tersebut adalah *Riba al-Nasi'ah* (riba bertangguh).<sup>83</sup>

Dalam manuskrip berjudul '*Al-Tarhib wa al-Tarhib li al-Bai'ie wa asy-Syira*', atau nama lainnya *Risalah fi Bayan Hukum al-Bai'ie wa ar-Riba* hasil karangan Syeikh 'Abdul Qadir 'Abdur Rahim Bukit Bayas, Terengganu,<sup>84</sup> larangan memakan riba telah disandarkan bukan sahaja pada al-Hadis, malah juga berdasarkan nas al-Quran.<sup>85</sup> Menurut Syeikh 'Abdul Qadir:<sup>86</sup>

Ditambah sedikit daripada dalil dan hadis pada menyatakan seksa dan azab tiap-tiap orang yang memakan riba dan orang yang mengurangkan sukatan dan timbangan dan orang yang menzalimi atas harta manusia.

Dalam manuskrip ini juga, Syeikh 'Abdul Qadir telah menganjurkan supaya manusia hendaklah berjual beli dengan baik, bekerja dan berusaha untuk menjauhi daripada melakukan penipuan dan pengkhianatan dengan mengusahakan bendang, membuat rumah, perahu, menjahit dan berniaga. Berdasarkan Manuskrip Hukum Maksiat di Kelantan,<sup>87</sup> seorang ulama yang tidak dapat dipastikan identitinya telah menasihatkan Raja yang digelar "kepala maksiat" kerana gagal membanteras maksiat yang berleluasa seperti amalan riba dalam kalangan masyarakat Kelantan pada ketika itu. Begitu juga

<sup>82</sup> Riwayat Muslim no 1210; At-Tirmidzi III/532; Abu Dawud III/248

<sup>83</sup> Al-Zuhayli, Wahbah (1997), *op.cit.*, j. 5, h. 3700-3702

<sup>84</sup> yang disiapkan penulisannya pada waktu Dhuha, hari Isnin, 2 Rabiulawal 1234 Hijrah/30 Disember 1818 Masihi, di Terengganu. Boleh dilihat dalam <http://utusanrasul.tblog.com/archive/2006/08/> akses pada 8.1.2010

<sup>85</sup> Al-Baqarah Q2:275, Q2:278-279; al-Nisa' Q4:161

<sup>86</sup> *Op.cit.*

<sup>87</sup> MS PNM 783. Lihat juga dalam Mahani Musa (2005), *Sejarah & Sosioekonomi Wanita Melayu Kedah 1881-1940*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 29



amalan riba dalam pinjam-meminjam masih banyak berlaku dalam masyarakat Melayu yang sangat bergantung kepada ceti, tauke Cina dan peniaga India-Muslim yang berada di akwasan bandar.<sup>88</sup>

## Jual Beli Cacat

Jual beli cacat ialah jual beli yang tidak sempurna akibat berlakunya kekurangan pada barang dan mengakibatkan akad menjadi 'tidak lazim' dan hendaklah dikembalikan.<sup>89</sup> Dalam Fasal 26, Undang-undang Sultan Abdul Ghafur Muhaidey Shah Pahang ada menjelaskan mengenai hukum jual beli yang mempunyai kecacatan:<sup>90</sup>

Apa-bila membeli suatu benda maka kelihatan atas benda itu 'aib yang sedia, maka di-kembalikan-nya. Jika lambat mengembalikan benda itu dengan tiada udzor, tiada-lah harus di-kembalikan-nya. Apa-bila di-lihat, di-kembalikan.

Bermula berapa bagai 'aib yang harus di-kembalikan: pertama, hamba itu pelari dan permukah dan penchuri dan gila dan busong dan burut dan buta larangan dan tuli dan sopak dan kelu atau hamba itu bersuami, atau 'aib yang terbunyi kemudian kelihatan, berapa lama-nya pun, dapat di-kembalikan.

Dalam manuskrip Undang-undang Pahang,<sup>91</sup> perkara yang sama diperuntukkan dalam Fasal 31.2 yang memperuntukkan, "Pemulangan barang-barang yang telah dibeli kerana barang-barang tersebut didapati telah pun rosak semasa masih di tangan penjual". Kaedah pemulangan barang apabila berlakunya aib ini selaras dengan konsep *khiyar aib* dalam hukum Islam berdasarkan sabda Rasulullah saw (riwayat Imam Ahmad):<sup>92</sup>

المُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ لَا يَجِلُّ لِمُسْلِمٍ بَاعَ مِنْ أَخِيهِ بَيْعًا وَفِيهِ عَيْبٌ إِلَّا بَيَّنَّهُ لَهُ

Seorang Islam itu adalah saudara kepada seorang Islam yang lain, (justeru) tidak harus bagi seorang Islam menjual daripada saudaranya suatu jualan yang terdapat kecacatan melainkan diterangkan dahulu (apa yang cacat itu).

Sebarang kecacatan pada barang jualan yang menjejaskan sifat pada 'barang yang dijual' sama ada kecacatan tersebut mengurangkan nilai atau menghilangkan manfaat barang, maka pembeli hendaklah memulangkannya semula. Dalam pemulangan ini, ulama al-

<sup>88</sup> Mahani Musa (2005), *op.cit*, h. 118

<sup>89</sup> Al-Zuhayli, Wahbah (1997), *op.cit*, j. 5, h. 3558

<sup>90</sup> Naskhah RAS Maxwell 17. Lihat Jelani Harun (2008), *op.cit*, h. 50

<sup>91</sup> Cod. Or. 1722 Perpustakaan Leiden, 34 halaman. Lihat juga Jelani Harun (2008), *op.cit*, h. 53

<sup>92</sup> Riwayat Imam Ahmad, Ibn Majah dan al-Hakim dalam *al-Mustadrak*. Lihat juga dalam Syawkani, Muhammad bin 'Ali (t.t.), *Nayl al Awtar*, Mesir: Maktabat al-Babi al-Halabi, j. 5, h. 211

Syafi'i meletakkan syarat supaya dilakukan dengan segera (*al-fawr*) dan tidak boleh tertangguh, berlainan dengan pandangan Hanafiyyah dan Hanabilah.<sup>93</sup>

Meskipun demikian, dalam peruntukan Fasal 26 Undang-undang Sultan Abdul Ghafur Muhaiyyudin Shah Pahang ini juga, direkodkan beberapa keadaan jual beli yang tidak perlu dikembalikan barang yang rosak sekiranya rosak tersebut berlaku dalam tangan pembeli atau rosak bersifat sedia ada.

Bermula jikalau di-beli-nya suatu benda, sampai pada tangan-nya yang membeli itu berchela benda itu, chela-nya sedia pun ada, tiada dapat di-kembalikan melainkan di-harga benda itu dengan tiada 'aib sa-ratus, harga-nya delapan-puluh,- jika retha yang yang berjual benda itu; jikalau tiada, di-kembalikan benda itu dengan sepuluh tampang timah-nya serta-nya; jika benda itu tiada di-kembalikan, sepuluh tampang timah di-kurangkan sebab chela-nya itu.<sup>94</sup>

Peruntukan ini jelas mempunyai ciri-ciri amalan adat yang diselaraskan dengan hukum Islam, iaitu sandaran pada 'kebiasaan' dan 'gantian barang'.<sup>95</sup> Turut dimasukkan dalam peruntukan ini ialah mengenai sumpah pihak penjual dan pembeli mengenai kewujudan kecacatan ini sebagaimana dalam hukum jual beli Islam. Di Melaka, peruntukan sebegini turut terkandung dalam Fasal 31.3 Hukum Kanun Melaka iaitu, "Tentang barang-barang yang telah diserahkan kepada pembeli tetapi kemudiannya disedari bahawa barang tersebut telah sebenarnya rosak".<sup>96</sup>

## **Jualan Rumah, Tanah dan Hasil Buah-buahan**

Undang-undang Sultan Abdul Ghafur Muhaiyyudin Shah Pahang turut memperuntukkan mengenai kaedah jualan rumah, tanah dan buah-buahan. Fasal 25 (b) ada menyatakan berhubung urusan rumah, tanah, kebun atau hasil buah-buahan. Undang-undang ini berbunyi:

Bermula apabila berjual bumi, masok segala kayu-kayuan di-dalam bumi itu, melainkan huma akan yang berjual, jika tiada di-sebutkan: jika ada yang di-ketam berulang-ulang seperti lada, pertama di-ketam-nya akan yang berjual, kemudian buah-nya akan orang yang membeli. Jika ada di-dalam bumi itu pohon kayu yang berbuah, tiada di-sebutkan-nya buah-nya, jika berputek tatkala berniaga itu,

<sup>93</sup> Ahmad bin Umar al-Shatiri (t.t.), *al-Yaqut al-Nafis fi Mazhab al-Syafi'i*, t.tp, h. 77-78; al-Zuhayli, Wahbah (1997), *op.cit*, j. 5, h. 3567

<sup>94</sup> Fasal 26, Undang-undang Sultan Abdul Ghafur Muhaiyyudin Shah Pahang. Naskhah RAS Maxwell 17.

<sup>95</sup> Al-Zuhayli, Wahbah (1997), *op.cit*, j. 5, h. 3566

<sup>96</sup> Fasal 31.3, Hukum Kanun Melaka. Lihat dalam Liaw Yock Fang (1993), *Sejarah kesusasteraan Melayu Klasik*, Jakarta: Penerbit Erlangga, h. 166-167

akan yang berjual; jika belum berputek tatkala berniaga itu, akan yang membeli.<sup>97</sup>

Undang-undang ini menjelaskan bahawa penjualan sesebuah tanah akan melibatkan segala perkara yang berada di atas tanah tersebut melainkan dinyatakan dengan jelas seperti dalam kes jualan tapak sawah, sama ada jualan tapak atau hasilnya sahaja. Begitu juga dalam jualan pokok kayu yang berbuah, hendaklah disebut sama ada buah yang sedang berputik atau hasil selepas itu. Bagaimanapun sekiranya sebahagian daripada tanaman yang dijual berbuah dan sebahagian lagi tidak, maka urusan ini tidak diharuskan kerana masih mengandungi perkara yang tidak diketahui (*majhul*). Dalam manuskrip Syeikh Bukit Bayas di atas, bentuk jual beli sebegini terbahagi kepada “mata benda yang dilihat, mata benda yang belum lagi *maujud* dan mata benda yang ghaib, yang tiada dilihat (halaman 10-20). Justeru, sebarang jual beli yang mengandungi unsur keraguan dan ketidaktentuan sebegini adalah tidak dibenarkan dalam Islam.<sup>98</sup>

Oleh kerana itu, jualan buah yang belum berputik adalah tidak sah. Hal ini disebabkan barang yang dijual belum wujud pada ketika urusan dilakukan. Dalam muamalat, jual-beli ini dikenali sebagai “*bay’ al-ma’dum*” dan tidak dibenarkan syarak kerana mengandungi unsur yang tidak pasti (*gharar*). Sebaliknya, jualan buah di atas pokok yang telah berbuah adalah harus walaupun dengan syarat tertentu seperti disyaratkan ia dipetik sendiri. Bagaimanapun terdapat jual beli *ma’dum* yang diharuskan di sisi syarak iaitu jualan bertempah (*bay’ al-salam*) kerana ia menjadi keperluan masyarakat tetapi hendaklah mengandungi nilai, ciri dan konsep yang jelas dan tiada unsur *gharar*.<sup>99</sup>

## Lafaz dalam Jual Beli

Dalam Mazhab Syafi’i, sebarang jual beli mensyaratkan wujudnya sirah iaitu *ijab* dan *qabul* bagi menunjukkan keredaan atas urusan tersebut.<sup>100</sup> Syarat yang sama didapati wujud dalam peruntukan Undang-undang Sultan Abdul Ghafur Muhiyyudin Shah Pahang, Fasal 31 berbunyi:

Peri pada menyatakan hukum berjual tiada dapat daripada yang menjualkan itu; kata-nya, “Ku-jualkan engkau”: kata yang membeli, “Ku-terima-lah jua”, tiada syarat razi yang di-jualkan atas-nya, bahawa harus utang-nya yang thabit atas-nya; seperti lepas yang menjualkan, jikalau mati yang di-jualkan atau lari atau munkir. Tiada harus jual perak dengan emas: tiada harus yang tunai dengan berjanji.<sup>101</sup>

<sup>97</sup> Undang-undang Sultan Abdul Ghafur Muhiyyudin Shah Pahang. Naskhah RAS Maxwell 17.

<sup>98</sup> al-Zuhaili, Wahbah (1997), *op.cit.*, j. 5, h. 3476-3483

<sup>99</sup> Ibid.

<sup>100</sup> Al-Zuhayli, Wahbah (1997), *op.cit.*, j. 5, h. 3313

<sup>101</sup> Fasal 31, Undang-undang Sultan Abdul Ghafur Muhiyyudin Shah Pahang. Naskhah RAS Maxwell 17.

Justeru dalam Mazhab Imam al-Syafi'i, persoalan jual beli *al-mu'atah* (bertukar tangan), iaitu jual beli yang dilakukan secara berunjuk tanpa diringi *ijab* dan *qabul*, hukumnya adalah tidak sah. Bagaimanapun menurut Imam Hanafi, jual beli tersebut dianggap masih sah berdasarkan kebiasaan dalam masyarakat atau *al-adah*. Kenyataan ini mendapat sokongan daripada Imam al-Nawawi dan Imam al-Suyuti.<sup>102</sup>

Pengiktirafan amalan adat ini juga diterima sekiranya berlaku jual beli yang tidak dinyatakan dalam akad sama ada secara tunai atau tertangguh, tetapi diketahui antara mereka yang secara kebiasaannya bayaran dijelaskan selepas seminggu. Maka jual beli tersebut dianggap sah berdasarkan adat. Begitu juga apabila seseorang membeli barang dengan membayar pendahuluan sahaja, namun sebelum ia mengambilnya, harga barang telah naik. Penjual tidak boleh membatalkan jual beli tersebut atau menjualnya kepada orang lain dengan alasan jual beli belum terlaksana sepenuhnya, kerana adat kebiasaan masyarakat setelah dibayar sebahagian daripada jumlah harga barang, dianggap telah berlaku akad. Dalam keadaan ini, adat dikira sebagai perujuk dan terpakai dalam mengesahkan urusan niaga yang telah dimulakan.<sup>103</sup>

## Mengambil Upah dan Mengenakan Sewaan

Dalam Undang-undang adat, upah-mengupah dan sewa-menyewa adalah antara budaya dan tradisi masyarakat Melayu. Ini memperlihatkan bahawa tidak semua orang Melayu memiliki kepakaran atau kemampuan membeli yang sama. Pemberian atau mengambil upah adalah antara amalan adat dan ini diiktiraf oleh hukum syarak. Kedudukan upah dalam hukum Islam boleh dirujuk dalam ayat 26-27 Surah al-Qasas, iaitu mengenai kisah Nabi Musa yang diupah oleh Nabi Syuaib untuk dikahwinkan dengan anak perempuannya.<sup>104</sup> Dalam hal upah ini, Fasal 36 Undang-undang Sultan Abdul Ghafur Muhaiyyudin Shah Pahang, memperuntukkan:

Barang binasa di-dalam tangan upahan itu dengan tiada taksir-nya tiada ia menyileh. Bermula tiada harus mengambil upahan orang yang bertenun kain dengan janji, jika sudah kain yang di-tenun itu dengan sabahagi harga-nya, tetapi hendak sudah itu, betapa adat upahan di-bayar.<sup>105</sup>

Jelasnya, seorang yang menyerahkan kain kepada tukang jahit tidak perlu mensyaratkan upah bagi pekerjaan tersebut kerana kebiasaannya setiap pekerjaan akan dibayar upah.

---

<sup>102</sup> Al-Zuhayli, Wahbah (1997), *op.cit.*, j. 5, h. 3313

<sup>103</sup> Al-Zuhayli, Wahbah (1997), *op.cit.*, j. 5, h. 3383

<sup>104</sup> Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansari (1993), *Al-Jami' li-Ahkam al-Quran*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h.179

<sup>105</sup> Fasal 36, Undang-undang Sultan Abdul Ghafur Muhaiyyudin Shah Pahang. Naskhah RAS Maxwell 17.

Bagaimanapun upah dalam konteks ‘pawah’ iaitu memberi upah anak haiwan yang bakal dilahirkan bagi sesiapa yang memelihara ibu haiwan tersebut adalah tidak diterima oleh sebahagian ulama. Amalan adat melaksanakan bahawa sekiranya seseorang melakukan pawah lembu betina untuk dipelihara oleh seseorang, maka anak pertama dan kedua daripada lembu betina tersebut akan dikembalikan kepada hak milik tuannya yang asal manakala anak ketiga akan menjadi milik orang yang memelihara sebagai upah. Seterusnya anak keempat dan kelima akan kembali kepada tuannya dan anak keenam menjadi hak milik orang yang memelihara dan begitulah seterusnya. Dalam hal ini, para fuqaha tidak bersetuju dengan adat ini sekalipun merujuk kepada konsep upah (*‘aqad al-ijarah*). Ini kerana kontrak sebegini melibatkan suatu urusan dengan perkara yang belum lahir atau sesuatu yang belum terjadi yang membawa kepada unsur *gharar* (tidak pasti).<sup>106</sup>

Sementara dalam kes sewa-menyewa, hukum syarak mengharuskan amalan sewa-menyewa yang tidak bercanggah dengan ajaran agama Islam seperti peruntukan Fasal 37 Undang-undang Sultan Abdul Ghafur Muhaiyyudin Shah Pahang:<sup>107</sup>

Bab peri menyatakan hukum orang yang menyewa rumah. Binasa sewa dengan binasa rumah itu. Maka orang yang menyewa itu, menyilih; jika ia hendak, di-binasakan-nya janji-nya minta dikembalikan sewa yang lagi....

Kalangan masyarakat Melayu ramai yang memiliki rumah-rumah sewa seperti direkodkan bahawa salah seorang daripada isteri Sultan Abdul Hamid Halim Shah di Kedah, iaitu Che Manjalara yang mempunyai beberapa buah rumah sewa, bangunan kedai, tapak pasar dan menjalankan apa sahaja perniagaan.<sup>108</sup> Apa pun bentuk sewaan dan perniagaan, yang penting hal ini mestilah selari dengan matlamat Islam iaitu hendaklah bersih daripada unsur maksiat, menipu dan jelas (tidak *gharar*). Nas syarak berhubung upah juga boleh dirujuk pada ayat 6 Surah al-Talaq mengenai upah menyusukan anak yang boleh diberikan kepada para isteri. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Tempatkanlah mereka (para isteri) di mana kamu bertempat tinggal menurut kemampuanmu dan janganlah kamu menyusahkan mereka untuk menyempitkan (hati) mereka. dan jika mereka (isteri-isteri yang sudah ditalaq) itu sedang hamil, Maka berikanlah kepada mereka nafkahnya hingga mereka bersalin, Kemudian jika mereka menyusukan (anak-anak)mu untukmu Maka berikanlah kepada mereka upahnya, dan musyawarahkanlah di antara kamu (segala sesuatu) dengan baik; dan jika kamu menemui kesulitan Maka perempuan lain boleh menyusukan (anak itu) untuknya.<sup>109</sup>

<sup>106</sup> al-Zuhaili, Wahbah (1997), *op.cit*, j. 5, h. 3476-3483

<sup>107</sup> Undang-undang Sultan Abdul Ghafur Muhaiyyudin Shah Pahang. Naskhah RAS Maxwell 17.

<sup>108</sup> Mahani Musa (2005), *op.cit*, h. 41

<sup>109</sup> Surah al-Talaq Q65:6

## Pinjam dan Cagaran Hutang

Perbuatan meminjam adalah sinonim dengan berhutang, iaitu hal ini tidak digalakkan bukan sahaja di sisi amalan adat, malah juga dalam hukum Islam melainkan dalam keadaan tertentu yang sangat memerlukan. Kecenderungan ini diperuntukkan dalam Fasal 32 Undang-undang Sultan Abdul Ghafur Muhaideyudin Shah Pahang:<sup>110</sup>

Tiada harus meminjam, tiada yang mengambil guna dengan dia: hendak kekal ada benda itu; tiada harus meminjam bunga karna tiada kekal, ada-nya. Tiada harus yang meminjam tiada mengembalikan benda yang di-pinjam-nya pada tempat yang di-pinjam-nya....

Sementara undang-undang juga ada memperuntukkan mengenai cagaran ke atas sebarang hutang yang ingin diambil, bagi tujuan sekuriti dan tanggungjawab pemegang cagaran sebagai pemegang amanah. Dalam Fasal 27, Undang-undang Sultan Abdul Ghafur Muhaideyudin Shah Pahang berbunyi:<sup>111</sup>

Segala yang harus di-perniagakan, harus di-sandarkan di-dalam utang. Apa-bila ada utang itu, sandar harus akan utang itu. Bermula tiada menyileh yang memegang sandar itu jika hilang benda yang tersandar itu dengan tiada taksir-nya, kerana orang yang memegang sandar itu seperti orang menaruh amanat: jika dengan taksir-nya menyileh.

Perkataan ‘menyileh’ di sini ialah bertanggungjawab untuk menggantikan balik cagaran yang hilang sekiranya berlaku atas kecuaiannya. Kaedah ini sinonim dengan konsep *ar-rahm* atau cagaran, iaitu mengenakan cagaran tertentu bagi memastikan komitmen peminjam untuk membayar hutangnya.<sup>112</sup> Dalam masyarakat Melayu, amalan berhutang dan meminjam adalah sebahagian daripada tradisi dan budaya rentetan kehidupan yang miskin. Banyak keterangan manuskrip yang menyentuh mengenai kemiskinan masyarakat Melayu dahulu bak peribahasa yang berbunyi, “laksana ayam kampung, kais pagi makan pagi, kais petang makan petang”.<sup>113</sup> Berdasarkan tabiat berhutang inilah ada antara masyarakat menjadi hamba atau hamba berhutang kerana tidak mampu membayar hutang dan terpaksa berkhidmat di istana, rumah-rumah pemiutang, sawah atau dusun untuk menjelaskan hutang mereka. Manakala sesetengahnya terpaksa melacur untuk menebus hutang. Di Perak, pembesar yang mempunyai ramai hamba berhutang dipandang tinggi dan berkuasa besar.<sup>114</sup>

<sup>110</sup> Undang-undang Sultan Abdul Ghafur Muhaideyudin Shah Pahang. Naskhah RAS Maxwell 17.

<sup>111</sup> *Ibid.*

<sup>112</sup> Wahbah al-Zuhaili (1997), *op.cit*, j.4, h. 362

<sup>113</sup> Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2006), *Kamus Peribahasa Kontemporari*, Pahang: PTS Profesional Publishing, h. 269

<sup>114</sup> Mahani Musa (2005), *op.cit*, h. 24, 37, 51. Lihat juga Maxwell 1890, 249 dan Gullick 1972, 164.

## Hukum Jual Beli Hamba

Dalam manuskrip Melayu, amalan perhambaan digambarkan turut berlaku melalui istilah ‘budak’ yang digunakan. Peruntukan ini boleh didapati melalui Undang-undang Adat Lembaga Melayu yang dipakai oleh Raja dengan Penghulu dalam Negeri Bangkahulu. Fasal 33 dalam Manuskrip Undang-undang ini menceritakan mengenai tanggungjawab ‘budak’ untuk melangsaikan hutang bagi pembebasan dan hukum menjual hamba.<sup>115</sup>

Perempuan dibeli atau perempuan sudah lama jadi budak dalam rumah, atau anak emas dibuat bini yang sudah dinikahi, atau tidak dinikahi, tetapi sudah terang oleh orang dalam rumah, atau terang oleh orang banyak bebas dibuat bini yang sudah menjadikan anak dengan tuannya, melainkan budak itu merdeka mutlak, tidak jadi dijual lagi, dan kiranya dijual jua, salah, denda oleh hakim.

Berdasarkan teks ini, anak hamba yang lahir dan hidup dengan tuannya yang dikenali sebagai ‘anak emas’ boleh dijual. Walau bagaimanapun, sekiranya anak emas berkenaan sudah dinikahi atau sudah merdeka maka tidak boleh lagi dijual kepada orang lain kerana sudah dianggap merdeka. Dalam Islam, hamba adalah dianggap sebagai harta milikan yang boleh dijual beli, berlainan dengan manusia merdeka yang bebas dan mempunyai hak-hak tertentu yang wajib dipelihara daripada dizalimi dan dianiaya. Cuma bagi penjualan hamba yang Islam, Islam mensyaratkan pembeli juga adalah beragama Islam.<sup>116</sup>

Dalam rekod di Kedah,<sup>117</sup> terdapat istilah ‘hamba bayar’ iaitu merujuk kepada seseorang hamba yang diserahkan oleh tuan mereka kepada orang lain bagi tujuan menyelesaikan hutang tuannya. Dalam kes ini, hamba dijadikan barang pertukaran dan mempunyai nilai ekonomi. Mereka boleh dijual, dipinjamkan atau digadai kepada orang lain. Bagaimanapun, kebajikan hamba perlulah dijaga oleh pihak yang meminjam bagi menampung makan minum, kesihatan dan nafkah keluarga hamba.<sup>118</sup> Bagaimanapun setelah pengenalan Enakmen Orang Berhutang 1910, amalan ‘orang berhutang’ mula dihapuskan di negeri ini. Ini bagi mengelak waris kepada ‘orang berhutang’ seperti isteri dan anak-anak menjadi mangsa dan menanggung beban untuk membayar hutang tersebut.

## Hukum Penipuan dalam Jual Beli

Islam mengutuk perbuatan menipu dalam jual beli seperti mengurangkan sukatan dan timbangan. Allah ada berfirman dalam Surah al-Mutaffifin yang bermaksud:

---

<sup>115</sup> Berg, L.W.C. Van Den, 1894, *Rechtsbronennen van Zuid-Sumatra*, ‘S-Gravenhage: Martinus Nijhoff, h. 208: Lihat dalam Jelani Harun, 2008, *op.cit*, h. 227

<sup>116</sup> Al-Zuhayli, Wahbah (1997), *op.cit*, j.5, h. 3355

<sup>117</sup> CO 716 Kedah Annual Report 1909, 60. Lihat Mahani Musa (2005), *op.cit*, h. 52

<sup>118</sup> Fasal 13, Undang-undang Kedah A. H. 1311/1893

Kecelakaan besarlah bagi orang-orang yang curang, (iaitu) orang-orang yang apabila menerima timbangan daripada orang lain mereka minta dipenuhi. Dan apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka mengurangi.<sup>119</sup>

Undang-undang adat sangat keras ke atas perbuatan menipu dalam jual beli. Terdapat pelbagai bentuk penipuan boleh berlaku sama ada ke atas barang, pembeli, wang, sukatan atau timbangan. Terdapat juga penipuan dengan menggunakan cop mohor Sultan bagi menipu dalam penjualan tanah seperti yang pernah berlaku di Kedah sehingga dijatuhkan hukuman bunuh.<sup>120</sup> Bagi penipuan dalam timbangan emas dan perak, hukuman yang ditemui dalam Undang-undang Aceh, Undang-undang Jambi, Undang-undang Palembang dan Undang-undang Adat Negeri Kedah juga adalah hukuman mati dan turut melibatkan kaum keluarga, sebagaimana contoh peruntukan di Kutai berikut:

Fasal peri timbangan emas sama emas, perak sama perak, tiada lebih tiada kurang. Bermula, barang siapa tiada menurut dia hukumnya mati, rumahtangganya masuk hamba raja.<sup>121</sup>

Hukuman ini menunjukkan pengaruh hukum adat yang keras dan zalim sehingga melibatkan seluruh waris, sedangkan kesalahan tidaklah begitu serius.

Bagi mengawal penipuan sebegini, manuskrip Tembera Dato' Seri Paduka Tuan, iaitu salah satu naskah dalam Undang-undang Kedah telah memperuntukkan dalam Fasal 10 peraturan yang mengawal penggunaan gantang dan cupak agar mengikut sukatan yang ditetapkan.<sup>122</sup> Pemeriksaan kepada alat sukat dan timbang ini juga dilaporkan dalam manuskrip Hukum Maksiat di Kelantan supaya masyarakat tidak ditipu. Dinyatakan:

Dan demikian itu suruh seorang yang baik-baik menilik di dalam kedai antara [katan] dan cupak dan hasta dan dacing supaya jangan menzalimkan setengah akan setengahnya.<sup>123</sup>

Undang-undang Sultan Hasanuddin Muhammad Ali Syah (1712) juga mengandungi peraturan tentang sukatan dalam urusan jual beli di mana dalam setiap urusan niaga, pedagang dikehendaki menggunakan gantang yang dikeluarkan oleh Kerajaan Bima, di bawah Kesultanan Bima di Reok, Manggarai Indonesia. Ini bagi memastikan tiada penipuan berlaku dalam proses jual beli dan pada masa yang sama sistem sukatan yang sama digunakan dalam kalangan masyarakat. Peraturan ini turut dipraktikkan di Singapura yang menggariskan peraturan berhubung sukatan dan timbangan sebagaimana

---

<sup>119</sup> Surah al-Mutaffifin Q83: Ayat 1-3

<sup>120</sup> Setelah dirayu, hukuman digantikan dengan penjara. Lihat Mahani Musa (2005), *op.cit*, h. 40

<sup>121</sup> MS Cod. Malai 7, h. 26; Jelani Harun, 2008, *op.cit*, h. 57

<sup>122</sup> Jelani Harun, 2008, *op.cit*, h. 103

<sup>123</sup> MS 783, Perpustakaan Negara Malaysia, h. 4



catatan yang dibuat oleh Abdullah Munshi berdasarkan “*Proclamation*” hasil tulisan Raffles bertarikh 6 Jun 1823.<sup>124</sup>

Di samping peraturan dan hukuman tentang penipuan tentang sukatan dan timbangan, terdapat juga hukuman dalam kes penipuan ke atas wang. Undang-undang Adat Negeri Kedah misalnya mengenakan hukuman yang berat ke atas mereka yang menipu dengan menggunakan wang palsu sehingga boleh didenda, dibuang negeri atau dibunuh. Undang-undang ini mencatatkan:

Jika ada orang tiru buat tera belanja negeri atau kupang kenderi, hukumannya dirampas dan bunuh, atau daripada atasnya seketi lima, kemudian diperundurkan ia dari negeri itu, kerana ia dari hasil pada negeri.<sup>125</sup>

Hukuman yang keras ini menunjukkan keseriusan amalan adat dalam menghapuskan penyelewengan dalam perniagaan. Bagaimanapun dalam hukum Islam, pesalah hanya akan dihukum dengan hukuman takzir, iaitu bergantung kepada budi bicara pemerintah. Tiada hukuman mati boleh dikenakan melainkan kesalahan tersebut mengakibatkan kehilangan nyawa.<sup>126</sup>

## Penulisan Kontrak

Penulisan kontrak atau mengadakan surat perjanjian dalam sesuatu urusan niaga adalah merupakan sebahagian daripada kaedah muamalat Islam yang dilaksanakan oleh masyarakat Melayu silam. Amalan ini direkodkan melalui penemuan Surat Perjanjian Jual-beli Lada bertarikh 1009H bersamaan 1600M dalam tulisan Jawi.<sup>127</sup> Ajaran Islam mementingkan penulisan kontrak khususnya untuk memastikan jaminan atau sekuriti kepada sesiapa yang berkepentingan dalam kontrak tersebut. Malah dalam surah al-Baqarah, Allah SWT memerintah agar dilakukan penulisan kontrak:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ

Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu.<sup>128</sup>

Dalam kes orang berhutang, Kerajaan Kedah di bawah Sultan Abdul Hamid pada 21 Disember 1892 membuat peraturan bahawa kesemua perjanjian orang berhutang

<sup>124</sup> Jelani Harun, 2008, *op.cit*, h. 329

<sup>125</sup> Arkib Negara M4/2003, h. 36

<sup>126</sup> Al-Zuhayli, Wahbah (1997), *op.cit*, j. 7, h. 5596

<sup>127</sup> Hashim Musa (1999), *Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 10

<sup>128</sup> Surah al-Baqarah Q2:282

hendaklah didaftarkan di Pejabat Tanah di daerah tempat tinggal masing-masing. Langkah ini bukan sahaja membendung amalan orang berhutang, bahkan memastikan perjanjian yang dilakukan disahkan Kerajaan dan mengelak berlakunya penganiayaan.<sup>129</sup>

## **Kuasa Pemerintah dalam Perniagaan**

Pemerintah atau Kerajaan berkuasa menggubal apa-apa peruntukan berhubung amalan perniagaan dalam sesebuah negeri. Dalam Islam, konsep ini selaras dengan prinsip politik Islam (*siyasa al-syar'iyah*) apabila pemerintah boleh menetapkan undang-undang dan peraturan tertentu untuk kebaikan umum. Sesuai dengan kenyataan ini, pengaruh hukum Islam ke atas undang-undang adat silam boleh dilihat antaranya menyekat urusan niaga yang melibatkan najis atau perkara-perkara yang diharamkan syarak.<sup>130</sup> Dalam teks Hukum Maksiat di Kelantan dicatatkan:<sup>131</sup>

Dan daripada munkar yang besar itu iaitu membenarkan kepada kafir Cina itu jual akan arak di dalam negeri Islam dan jual daging babi dengan nyata di dalam negeri Islam...

Perkataan 'munkar' di sini merujuk kepada perbuatan yang salah dan perlu dielakkan dalam masyarakat. Sementara dalam Undang-undang Raja Nati, diperuntukkan antara kesalahan dalam perniagaan ialah kesalahan berniaga barang yang tidak dibenarkan Islam:<sup>132</sup>

Tiada sah berniaga khamar seperti arak dan tuak, anjing dan babi.

Larangan ini selaras dengan prinsip syarak yang mengharamkan jual beli dengan sesuatu yang dianggap najis. Dalam Islam, najis tidak boleh dijual beli dan tidak dianggap harta yang bernilai.<sup>133</sup>

Walaupun hukum jual beli dalam Islam adalah harus pada perkara selain najis dan bangkai, namun kuasa pemerintah juga boleh menyekat jual beli barang-barang lain atas dasar kawalan barang atau kepentingan awam. Dalam hal ini, manuskrip Melayu lama ada merekodkan beberapa sekatan jual beli seperti yang dikenakan ke atas kerbau, timah, tembaga dan beras. Dalam manuskrip Tembera Dato' Seri Paduka Tuan, jual beli kerbau adalah disekat melainkan mendapat surat kelulusan yang sah.<sup>134</sup> Ini bagi memastikan kerbau yang dijual beli adalah kerbau yang dimiliki sepenuhnya dan bukan kerbau curi. Dalam Surat Perjanjian antara Sayid Hussin dan Dato' Penggawa Muda dengan Francis

---

<sup>129</sup> Mahani Musa (2005), *op.cit.*, h. 62

<sup>130</sup> Al-Zuhayli, Wahbah (1997), *op.cit.*, j. 5, h. 3396-3397

<sup>131</sup> MS 783 (A), Perpustakaan Negara Malaysia

<sup>132</sup> Halaman 32, Undang-undang Raja Nati. (Cod. Malai 7).

<sup>133</sup> Al-Zuhayli, Wahbah (1997), *op.cit.*, j. 5, h. 3502

<sup>134</sup> Fasal 4, naskah Undang-undang Kedah. Lihat Jelani Harun, 2008, *op.cit.*, h. 103

Light, masyarakat dihadkan daripada melakukan jual beli timah melainkan dengan kebenaran Gabenor Pulau Pinang pada masa itu, Tuan Gurnadur (Fasal 4).

Seterusnya, sekatan jual beli tembaga pula direkodkan dalam Hikayat Patani apabila rakyat dihendaki terlebih dahulu mendapat kebenaran Sultan. Dalam konteks ini, undang-undang yang diwujudkan lebih bersifat monopoli oleh pihak pemerintah.<sup>135</sup> Kegagalan mematuhi larangan ini boleh dikenakan hukuman bunuh sebagaimana yang telah dilaksanakan ke atas Syekh Gombak, saudagar dari Minangkabau. Ini berdasarkan titah Sultan Muzaffar Syah sebagaimana dicatat:

Hatta maka titah baginda: “Jika demikian, temenggung canangkanlah, jangan siapa-siapa membawa keluar tembaga dalam negeri ini tiga tahun dan jangan dijual pada segala dagang. Barang siapa melalui titah kita ini kita bunuh.”<sup>136</sup>

Selain sekatan, kuasa pemerintah juga boleh menghadkan jualan sesetengah barang dagangan. Berdasarkan undang-undang Adat Kesultanan Kedah semasa pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II, jual beli padi pernah dihadkan dengan perintah “jangan diberi orang lain membeli padi”. Antara lain, peruntukan ini berbunyi:

Syahdan akan padi beras pun dalam Perlis itu jangan diberi keluar ke negeri asing, hendaklah dengan sesungguhnya. Dari kerana telah diketahui oleh segala manusia, masyhurlah ada padi beras di dalam negeri ini, tiada jadi didapat oleh segala berakal. Apabila dilepaskan keluar, nescaya mahal beras padi, maka beroleh kerugianlah atas raja dan wazir yang mempunyai negeri, dan segala panglima penghulu pada segala jajahan dan segala rakyat beroleh kelaparan. Maka jadilah terhutang segala rakyat kita.<sup>137</sup>

Perintah ini telah turut tersurat dalam Undang-undang Melaka iaitu dalam Fasal 23, iaitu mengenai “hukum binasa dan orang lapar kerana sebab negeri itu mahal beras”. Dalam Islam, bentuk-bentuk kawalan dan sekatan sebegini diharuskan apabila ia bertujuan untuk memberikan kemaslahatan kepada masyarakat umum.

Contoh langkah-langkah kemaslahatan ke atas orang awam ini ialah seperti penggubalan satu peraturan yang dikenali sebagai “Undang-undang Perintah Payar” apabila suatu jawatan khas telah ditubuhkan bagi mengendalikan urusan cukai di perairan. Dalam hal ini, “Panglima Jaga-jaga” telah ditugaskan memeriksa surat kebenaran perniagaan dan memungut cukai daripada kapal dagang yang berada di perairan Kedah. Pemeriksaan

---

<sup>135</sup> Mahani Musa (2005), *op.cit.*, h. 56-57

<sup>136</sup> Teeuw & Wyatt, 1970, *Hikayat Patani*, The Hague: Martinus Nijhoff, h. 76

<sup>137</sup> Naskhah Ku Din Ku Meh, Arkib Negara M/2003, h. 98-99. Lihat dalam Jelani Harun (2008), *op.cit.*, h. 194

surat kebenaran perniagaan ini penting bagi mengelak kemasukan saudagar luar yang berniat jahat.<sup>138</sup>

## **Kesimpulan**

Penerapan hukum Islam dalam kalangan masyarakat Melayu silam terbukti wujud, bukan sekadar dalam hal ehwal perkara akidah sahaja bahkan meliputi soal-soal kehidupan. Peranan guru agama dan ulama dalam masyarakat telah berfungsi sepenuhnya dalam menyebarkan ajaran dan hukum-hakam mengenai Islam. Walaupun amalan adat turut mewarnai amalan muamalat semasa, namun ciri-ciri Islam yang wujud dalam manuskrip silam menunjukkan pengaruh Islam yang meresap dalam kehidupan masyarakat lama. Keadaan ini menunjukkan hukum syariah Islam mengenai *muamalah* telah pun wujud dalam pengetahuan dan amalan masyarakat Melayu sejak awal lagi.

Jelasnya berdasarkan perbincangan di atas, pengaruh undang-undang perniagaan Islam sangat ketara wujud dalam manuskrip Melayu lama. Ia mengikut dengan jelas ciri-ciri dan garis hukum yang termaktub dalam al-Quran dan al-Sunnah, walaupun dengan gaya penyampaian yang berbeza mengikut laras bahasa pada masa dahulu. Peraturan mengenai jual beli, pengharaman riba, pembatalan urusniaga kerana kecacatan barang (*khiyar aib*), kaedah jualan rumah, tanah, hasilan kebun, upah, sewa, pinjaman dan cagaran menjadi antara elemen yang dibincangkan dalam manuskrip undang-undang Melayu lama dahulu. Senario ini bukan sahaja jelas memakai prinsip hukum Islam malah dijadikan sebagai undang-undang yang bertulis untuk dikuat kuasa dalam kalangan masyarakat. Di samping itu, terdapat juga kaedah *siasah syariah* (politik Islam) dalam melaksana dan menguatkuasakan undang-undang kawalan dalam aturan perniagaan seperti kawalan harga dan produk jualan.

## **Bibliografi**

- Abbas Husni Mohamad. 1996. *Perkembangan Fiqah Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Abu Hassan Sham. 1973. "Unsur-unsur Undang-undang Hindu di dalam Teks Undang-undang Adat Temenggung, Khususnya Hukum Kanun Melaka". dlm. *Dewan Bahasa*, Jil. XVII. Bil. 7. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adi Taha. 1991. "Sejarah Negeri Kedah Berdasarkan Penemuan Bahan-bahan Arkeologi". dlm. *Dokumentasi Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darul Aman*, Alor Setar: Lembaga Muzium Negeri Kedah.

---

<sup>138</sup> Edwar Djamaris, *et.al.*, 1981, *Naskah Undang-undang dalam Sastra Indonesia Lama*, Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, h. 138-140; Jelani Harun, 2008, *op.cit.*, h. 189

- Ahmad bin Umar al-Shatiri (t.t). *al-Yaqut al-Nafis fi Mazhab al-Syafi'i*. t.tp: t.p.
- Ahmad bin Muhammad bin Hanbal. 1993. *Musnad al-Imam Ahmad*. Beirut: Muassasah al-Risalah, jil. 1.
- Al-Albani, Muhammad Nasiruddin. 2008. *Silsilah al-Ahadith al-Dha'ifah wal Maudu'ah*. Riyadh: Maktabah Ma'arif, jil. 2, Hadis No. 533, hlm. 17.
- Ainon Mohd dan Abdullah Hassan. 2006. *Kamus Peribahasa Kontemporari*. Pahang: PTS Profesional Publishing.
- Al-Attas, S. Naquib. 1969. *Preliminary Statement on A General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Teeuw, D.K. Wyatt (ed.). 1970. *Hikayat Patani*. The Hague: Martinus Nijhoff.
- Berg, L.W.C. Van Den. 1894. *Rechtsbronnen van Zuid-Sumatra*. 'S-Gravenhage: Martinus Nijhoff.
- Edwar Djamaris, et. al. 1981. *Naskah Undang-undang dalam Sastra Indonesia Lama*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.
- \_\_\_\_\_. 1999. "Undang-undang Minangkabau: Analisis Isi Naskah", dlm. Zainal Abidin Borhan (ed.), *Warisan Persuratan Johor II*. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.
- Hakim al-Nisaburi, Muhammad ibn 'Abd Allah. 1915. *al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn fi al-Hadith*. Hydrabad: T.P, jil. 3.
- Hashim Musa. 1999. *Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hooker, M.B. 1968. "Private International Law and Personal Laws: A Note on the Malaysian Experience". dlm. *Malaya Law Review*, vol. 10. No. 1.
- Ismail Hussien, A. Aziz Deraman dan Abd. Rahman Al-Ahmadi. 1993. *Tamadun Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun. 2008. *Undang-undang Kesultanan Melayu dalam Perbandingan*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- John E. Kempe dan R.O. Winstedt (ed.). 1947. *A Malay Legal Digest Compiled for 'Abd al-Ghafur Muhaiyu'd-din Shah Sultan of Pahang 1592-1614 A.D. with Undated Additions*. Kuala Lumpur: Arkib Negara.

- Al-Kasani, Abu Bakar bin Mas'ud. 2003. *Bada'i' al-Sana'i'*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah, jil. 5.
- Liaw Yock Fang. 1993. *Sejarah kesusasteraan Melayu Klasik*. Jakarta: Penerbit Erlangga.
- Mahani Musa. 2005. *Sejarah & Sosioekonomi Wanita Melayu Kedah 1881-1940*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maxwell, W.E. 1884. 'The Law and Customs of the Malays with reference to the Tenure of Land'. dlm. *Journal of the Royal Asiatic Society (Straits Branch)*, vol. 13: 75.
- Mohamed Wassel. 1983. "The Islamic Law Its Application as It was Revealed in the Qur'an and Its Adaptability to Cultural Change", dalam *Hamdard Islamicus*, Pakistan: The Hamdard Foundation, vol. VI No. 1, Spring.
- Muhammad Yusoff Hashim. 1989. *Kesultanan Melayu Melaka : Kajian Beberapa Aspek tentang Melaka pada Abad Ke-15 dan Abad Ke-16 dalam Sejarah Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nasir al-Tarifi. 1997. *Tarikh al-Fiqh al-Islami*. Riyadh: Maktabat al-Tawbah.
- Othman Ishak. 1997. *Hubungan Antara Undang-undang Islam dengan Undang-undang Adat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansari. 1993. *Al-Jami' li-Ahkam al-Quran*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Raffles, Thomas. 1816. "On the Malayu Nation, with a Translation of Its Maritime Institutions". dlm. *Asiatick Researches*, v.12, hlm. 102-159.
- al-Sarakhsi, Syamsuddin al-(t.t.). *Kitab al-Mabsut*, Beirut: Dar al-Ma'rifat, jil. 12.
- Saufi Hasan Abu Talib. 1989. *Tatbiq al-Syariah al-Islamiyyah fi al-Bilad al-'Arabiyyah*, Kaherah: Matba'ah Jami'ah.
- Al-Syatibi, Ibrahim bin Musa bin Muhammad al-Lakhmi. 1922. *al-Muwafaqat*, Kaherah: al-Matba'ah al-Salafiyyah, jil. 2.
- Syawkani, Muhammad bin 'Ali (t.t.). *Nayl al Awtar*. Mesir: Maktabat al-Babi al-Halabi, j. 5.
- Teeuw dan Wyatt. 1970. *Hikayat Patani*. The Hague: Martinus Nijhoff.

Tibbets, G.R. 1965. "Pre-Islamic Arabia and Southeast Asia". dlm. *JMBRAS*, No. 29. Pt. 3.

Wilkinson, R.J. 1948. "Law Part 1, An Introductory Sketch". dlm. *JRASMB*, j. xxi, Singapore.

Winstedt. R.O. dan Josselin de Jong. 1956. "The Maritime Laws of Malacca". dlm. *JMBRAS*. Vol. 29. Part III.

Zainal Abidin bin Abdul Wahid, Khoo Kay Kim, Muhd. Yusof bin Ibrahim, Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abdula Rahman dan Mohd. Amin bin Hassan. 1992. *Malaysia, Warisan dan Perkembangan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

AL-Zuhayli, Wahbah. 1997. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Beirut: Dar al-Fikr, j. 4-5.